



UNTUK SIARAN SEGERA

## MIDF RAIKAN AIDILFITRI BERSAMA RAKAN-RAKAN KORPORAT

**KUALA LUMPUR, 26 Jun 2018** – Sudah menjadi tradisi saban tahun, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri “Raya @ MIDF” di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur. Acara tahunan ini diadakan bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan dengan rakan-rakan korporat dan menghidupkan tradisi kunjung-mengunjungi di hari raya.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran pihak pengurusan kanan semua syarikat yang merupakan rakan korporat MIDF. Lebih daripada 1,000 orang tetamu telah hadir memeriahkan majlis dengan pakaian tradisional berwarna-warni.

Menurut Pengarah Urusan MIDF, Datuk Mohd Najib Hj. Abdullah, “MIDF menganjurkan majlis ini pada setiap tahun agar dapat bersama-sama merasai kemeriahkan Aidilfitri dengan para pelanggan korporat serta rakan-rakan media. Setelah bercuti menyambut hari raya bersama keluarga serta sanak saudara, kita raikan pula dengan rakan-rakan korporat bagi mengeratkan lagi hubungan sedia ada.”

Pihak MIDF turut mengambil kesempatan melalui penganjuran majlis ini untuk mempamerkan hasil karya seni mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menyertai Anugerah Seni MIDF 2018 pada Mei lalu untuk jualan amal. Menerusi inisiatif ini, MIDF berharap ia sedikit sebanyak dapat memberi pengiktirafan bakat muda dan menzahirkan penghargaan terhadap seni tempatan.

###

## **Mengenai MIDF**

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah ditubuhkan lima puluh lapan tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset and Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

###

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Irma Mahamad Tahir**

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tel: (03) 2173 8756  
Faks: (03) 2173 8499  
HP: (012) 492 3707  
Emel: [irmawati@midf.com.my](mailto:irmawati@midf.com.my)

#### **Mastura Md Mukhlis**

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tel: (03) 2772 1832  
Faks: (03) 2173 8499  
HP: (012) 2000 381  
Emel: [masturam@midf.com.my](mailto:masturam@midf.com.my)

#### **Noorfazilah Rebatin**

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tel: (03) 2772 8742  
Faks: (03) 2173 8499  
HP: (017) 2300 943  
Emel: [noorfazilah@midf.com.my](mailto:noorfazilah@midf.com.my)